



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1989**

---

BORANG BARU LAPORAN PENILAIAN KHAS  
BAGI PEGAWAI DALAM KUMPULAN A

**Pendahuluan**

1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai penggunaan borang baru Laporan Penilaian Khas, iaitu [Borang JPA. 1/89](#) bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan A. Contoh borang baru tersebut adalah seperti dilampirkan bersama-sama Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

**Pegawai Dalam Kumpulan B dan C**

2. Borang Laporan Penilaian Khas yang baru ini adalah untuk kegunaan menilai potensi pegawai-pegawai dalam kumpulan A sahaja. Bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan B dan C penggunaan Borang Laporan Nilaian Prestasi Khas JPA. 1/83 sepetimana yang dinyatakan di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1983](#) masih terpakai sehingga diberitahu kelak.

### **Penggunaan Borang Baru**

3. Sebagaimana biasa, laporan ini mempunyai berbagai kegunaan. Di samping berperanan sebagai tambahan kepada Laporan Nilaian Prestasi Tahunan, Laporan Penilaian Khas ini juga akan digunakan apabila timbul keperluan seperti urusan kenaikan pangkat, pemangkuhan, latihan, lantikan ke perkhidmatan lain, perlantikan selepas bersara (kontrak/semestara), permohonan pinjaman/tukar sementara dan seumpamanya.

### **Penyediaaan**

4. Garis panduan mengisi borang adalah seperti dijelaskan di bahagian akhir kepada borang. Kesemua Pegawai Penilai dan Penilai Semula dikehendaki meneliti garis panduan ini sebelum proses penilaian dimulakan.

5. Apabila adanya urusan-urusan seperti tersebut di perenggan 3 di atas maka *satu salinan* borang ini perlulah disediakan untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa yang memerlukannya.

### **Tanggungjawab Ketua Jabatan dan Pegawai Yang Dinilai**

6. Pegawai yang dinilai dan Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menentukan bahawa borang-borang Laporan Penilaian Khas ini dikemukakan kepada pihak berkuasa yang memerlukannya dalam tempoh yang ditetapkan. Borang Laporan Penilaian Khas yang baru ini boleh didapati dari Jabatan Percetakan Negara.

### **Tarikh Berkuatkuasa**

7. Tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

### **Arahan Perkhidmatan 1974**


8. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan seperti yang terkandung dalam Bab Dua, Arahan Perkhidmatan 1974.

### **Pembatalan**

9. Dengan keluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, maka pemakaian **Surat Pekeliling Bil. 6 Tahun 1983** bertarikh 2-7-1983 bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan A adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH)

*Timbalan Ketuan Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*Malaysia*

1hb Januari, 1989.

*Edaran:*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

*Salinan:*

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.

KEPADA:

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN

AWAM,

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,

BAHAGIAN PERJAWATAN,

(CAWANGAN PENYATUAN

PERKHIDMATAN),

TINGKAT 9, WISMA BERNAMA,

JALAN TUN RAZAK,

50510 KUALA LUMPUR.

*Daripada:*

*Tarikh:*

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

Urusan Pertukaran Perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah

Yang Sedang Berkhidmat Di Jabatan-jabatan Persekutuan Di Sabah Ke Dalam

Perkhidmatan Persekutuan.

Adalah dengan ini diakui surat tuan bil. JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11)  
bertarikh 10 Disember 1988 mengenai perkara tersebut di atas telah diterima.

Sekian dimaklumkan.

Nama Pegawai yang menerima

.....

*Tandatangan:* .....

COP JABATAN

PERINGATAN: Borang ini hendaklah dikembalikan ke Jabatan ini dengan segera.

TERIMA KASIH